



**MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH  
(MPKK)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT  
BANGUNAN SEMENTARA**

**EDISI 01/2021**

## **1. PENGENALAN**

Garis Panduan ini adalah salah satu kaedah kawalan kepada pembangunan bangunan sementara dan menyokong undang-undang dan akta yang berkaitan. Ia bagi menetapkan syarat-syarat serta keperluan dokumentasi dalam proses kelulusan. Penyediaan garis panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang 19, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL) dan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974.

Ianya dapat memudahkan proses permohonan kelulusan permit sementara kepada pemohon dengan penerangan syarat-syarat permohonan, jenis-jenis kiraan bagi bayaran proses dan juga bayaran permit tahunan yang ditetapkan. Pelaksanaan proses permohonan secara dalam talian juga adalah bagi mudah proses permohonan oleh 'Prinsipal Submitting Person' (PSP) – pihak yang bertauliah untuk mengemukakan permohonan.

Oleh yang demikian, diharap garis panduan ini dapat menjadi rujukan yang lengkap kepada pemohon bagi permohonan yang dikemukakan.

## **2. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PERMIT SEMENTARA**

- PERUNDANGAN: AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)
- UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

## **3. OBJEKTIF PERMIT BANGUNAN SEMENTARA**

Objektif garis panduan ini adalah bagi memastikan matlamat perkara-perkara berikut dapat dicapai :

- i. Memastikan tatacara permohonan dan pertimbangan yang disediakan adalah selaras dan menepati kehendak peraturan dan perundangan yang sedang berkuatkuasa untuk dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan;
- ii. Menyelaras peraturan dan peruntukan sediaada bagi memudahcara pihak yang berkaitan melalui peningkatan sistem yang lebih efisien.
- iii. Meningkatkan tahap kepatuhan dan kebertanggungjawaban pihak yang berkepentingan.

#### **4. MAKLUMAT PEGAWAI / JABATAN UNTUK DIHUBUNGI**

- i) Ts. Muhammad Rezuan Bin Abu Samah- Arkitek Jabatan Bangunan  
- 04-4325225 Ext. 432
- ii) Pn. Hasliana Binti Hashim  
- Ketua Bahagian Kelulusan Pelan  
- 04-4325225 Ext. 421

#### **5. KETERANGAN PERMIT SEMENTARA / SKOP**

Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 :

19. Permit sementara

(2) Suatu permit sementara boleh dikeluarkan mengikut budibicara pihak berkuasa tempatan bagi mendirikan suatu bangunan sementara dan hendaklah tertakluk kepada ke semua atau sebahagian daripada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ini.

(3) Pelan-pelan atau pelan-pelan lakar yang mengikut kehendak-kehendak pihak berkuasa tempatan hendaklah dikemukakan bagi mendapatkan permit sementara di bawah undang-undang ini.

#### **6. MAKLUMAT SEKATAN / PEMBEKUAN PERMIT SEMENTARA**

-

#### **7. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON ?**

Berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Berseragam 1984 di bawah tajuk: Pengemukakan Pelan-Pelan Untuk Kelulusan Bahagian II perkara 3 (2) bahawa Tiap-tiap pelan, lukisan atau kiraan berkenaan dengan sesuatu bangunan hendaklah dikemukakan oleh orang bekelayakan contohnya Arkitek atau Pelukis Pelan Berdaftar (PSP).

## 8. BILA PERLU DIPOHON

Permohonan perlu dibuat jika terdapat cadangan untuk majukan tanah. Boleh dipohon bila-bila masa sepanjang tahun dengan berpandukan kepada borang senarai semak yang disediakan dalam portal OSC Online 3.0.

## 9. BAGAIMANA CARA UNTUK MEMOHON

Cara memohon adalah secara online dan berpandukan kepada senarai semak seperti di Rujukan 1.

## 10. PIAGAM PELANGGAN

NO.	OBJEKTIF	TEMPOH
1	PERMIT SEMENTARA :- I. Bangunan Sementara II. Struktur Menara Telekomunikasi III. Struktur Papan Iklan	50 HARI BEKERJA

## 11. SYARAT-SYARAT / KEPERLUAN PEMATUHAN SEBELUM PERMOHONAN

- Permohonan hendaklah dikemukakan oleh PSP secara online.
- Permohonan ini perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang Terhad terlebih dahulu ataupun permohonan dikemukakan secara serentak.
- Cadangan pembangunan adalah tertakluk kepada agensi teknikal yang berkaitan.

## 12. SYARAT-SYARAT / KEPERLUAN PEMATUHAN SELEPAS PERMOHONAN

- Kelulusan permit bangunan sementara yang dikeluarkan hendaklah diperbaharui pada 1hb Januari setiap tahun. Syarat adalah seperti dalam Lampiran A dan boleh dirujuk di Rujukan 3.

### 13. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

- a. Tuan tanah/Pemaju boleh merujuk secara langsung dengan PBT ataupun pihak PSP bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan kaedah permohonan di kaunter Jabatan Bangunan.
- b. Tuan tanah/Pemaju perlu menyediakan dokumentasi seperti di '**Rujukan 1**' kepada pihak PSP untuk proses mengemukakan pelan kepada PBT.
- c. Carta alir proses kelulusan permit bangunan sementara seperti di **Rujukan 2**.

### 14. BORANG PERMOHONAN & SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

Seperti **RUJUKAN 1**

### 15. MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Fi Proses Pelan	RM14.00/9m <sup>2</sup>	<b>Cek/ Wang Pos/Wang kirimanpos/bayaran di kaunter</b>
2	Permit Tahunan	Keluasan Bangunan X 5/9m <sup>2</sup> )	<b>Cek/ Wang Pos/Wang kirimanpos/bayaran di kaunter</b>
3	Cagaran	RM 2,000.00	<b>Cek/ Wang Pos/Wang kirimanpos/bayaran di kaunter</b>

### 16. MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

Melalui keputusan mesyuarat yang dimuat naik dalam Portal OSC 3.0 dan penghantaran surat menyurat kepada SP/PSP.

## **17. MAKLUMAT PEMBAHARUAN / PINDAAN / PEMBATALAN (JIKA BERKAITAN)**

Melalui keputusan mesyuarat yang dimuat naik dalam Portal OSC 3.0 dan penghantaran surat menyurat kepada SP/PSP.

## **18. RUJUKAN YANG BERKAITAN**

- i) Sekiranya Permit Bangunan Sementara tidak diperbaharui, maka Notis dibawah Sekyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu pada bulan Januari setiap tahun dan pemilik diberi tempoh 7 hari untuk mematuhi kehendak notis tersebut.
- ii) Sekiranya kehendak notis tersebut gagal dipatuhi, maka Majlis boleh mengambil tindakan yang dibenarkan mengikut Seksyen 72 (5) atau pendakwaan bersekali dengan tindakan kompaun di atas kesalahan di bawah Sekyen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).

RUJUKAN 1


MPKK.OSC.0400/04/00  
02.07.2020

BIL		DOKUMEN	CATATAN	TANDAKAN	
				PSP	MPKK
<b>SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA (SECARA ONLINE)</b>					
<b>JABATAN BANGUNAN</b>					
1	SURAT PERMOHONAN RASMI	*Permohonan adalah merujuk UUK 19, Permit Sementara, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984			
2	PELAN PEMAJUAN dengan format yang lengkap.	Tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan			
3	BORANG PERMIT SEMENTARA 1 DAN 'A' yang telah lengkap.				
4	BAYARAN WANG PROSES PERMIT SEMENTARA				
5	BAYARAN PERMIT SEMENTARA				
6	BAYARAN DEPOSIT				
7	PELAN REKABENTUK STRUKTUR PAPAN IKLAN (bagi permohonan Permit Sementara mendirikan hoarding): i. Papan tanda projek; ii. Iklan hoarding ( jika berkenaan); iii. Surat sokongan cadangan frasa ( wording) dari Dewan Bahasa Pustaka; iv. Bayaran wang proses papan iklan = RM50.00/permohonan	Nombor Lesen Pemaju Perumahan wajib dipamerkan pada papan tanda projek			
8	SURAT KELULUSAN PELAN BANGUNAN IKLAN PEMAJUAN HARTANAH				
9	BORANG KEBENARAN MERANCANG (KM) A5 berserta bayaran RM50.00.				
10	SALINAN RESIT CUKAI HARTA yang terkini atau pengesahan cukai harta				
11	SALINAN SURATHAK MILIK TANAH BERSERTA RESIT CUKAI TANAH TERKINI.				
12	SATU SALINAN SURAT KELULUSAN PELAN BANGUNAN (Bagi permohonan Permit Sementara di luar tapak kelulusan Pelan Bangunan).				
13	PELAN, GAMBAR TAPAK, LUKISAN DAN PERINCIAN dalam format digital.				
14	SALINAN KAD PENGENALAN DAN BORANG 49.				
<b>UNTUK DIISI OLEH PERUNDING</b>					
Nama/Cop Perunding :					
Tandatangan :					
Tarikh :					

		<b>MAJLIS PERBANDARAN KULIM</b> NO 1, LEBUH BANDAR 2, BANDAR PUTRA 09000 KULIM TELEFON : 04-4325 225 / FAX : 04-4325 229			
<b>SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA</b> <b>(SECARA ONLINE)</b>					
BIL.	DOKUMEN	CATATAN	TANDAKAN		
			PSP	MPKK	
UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA					
Nama Pegawai Penerima :  Tandatangan :  Tarikh :					
CATATAN :					
( * ) = Sekiranya Berkaitan/ Perlu Nota: 1. Semua dokumen hendaklah disediakan dalam format digital (pdf, jpeg dan lain-lain) bagi permohonan secara OSC 3.0 Plus Online. 2. Semua laporan dan pelan perlu disediakan dan diperakui oleh Orang Yang Mengemukakan (Submitting Person) /Orang Yang Cepak (Competent Person)					




RUJUKAN 2





PROSEDUR KUALITI PERKHIDMATAN  
KELULUSAN PELAN BANGUNAN

NO. DOKUMEN PK	MPKK – PT – JB – 01		
NO. KELUARAN	00	TARIKH	00
NO. PINDAAN		TARIKH	
TARIKH KUATKUASA	27/12/2017		



### **RUJUKAN 3**

Merujuk kepada surat tuan/puan berkenaan dengan perkara yang tersebut di atas adalah berkaitan. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan adalah diluluskan mengikut pelan\_\_\_\_\_serta tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Keluasan bangunan yang dibenarkan adalah seperti pelan berketat.
2. Tempoh kelulusan bangunan sementara ini hanyalah selama 1 (satu) tahun sahaja.
3. Binaan/bangunan tersebut hendaklah berbentuk tidak kekal dan tidak dibenarkan membina bangunan kekal di dalam kawasan tersebut. Bangunan tersebut perlu dirobohkan sekiranya diarahkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa sebarang bantahan serta pampasan.
4. Sekiranya melibatkan kerja pemotongan dan menambun tanah, pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH untuk pertimbangan kelulusan.
5. Dikehendaki mematuhi syarat-syarat Jabatan Kerja Raya Kulim/Bandar Baharu, Kulim.
6. Menjelaskan bayaran permit tahunan sebanyak **RM\_\_\_\_\_**setiap tahun.
7. Tertakluk kepada syarat-syarat Jabatan Teknikal terutamanya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
8. Kebersihan dan keindahan perlu diselia dan dijaga.